

Dasar Privasi (*Privacy Policy*)

Dasar Privasi ini adalah berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan Data Peribadi oleh mana-mana ahli Kumpulan Standard Chartered (“SCB” atau “kami”). Data Peribadi adalah maklumat yang berkaitan dengan individu (“anda”).

Data Peribadi terdiri daripada semua butiran yang SCB pegang atau kumpul tentang anda, secara langsung atau tidak langsung, urusan niaga anda, urusan niaga yang anda laksanakan, maklumat kewangan, interaksi dan urusan dengan SCB, termasuk maklumat yang diterima daripada pihak ketiga dan maklumat yang dikumpulkan melalui penggunaan laman web kami dan perkhidmatan perbankan elektronik kami.

Tujuan di mana kami mungkin mengendalikan Data Peribadi anda

Tujuan di mana kami mungkin mengendalikan Data Peribadi anda termasuk yang berikut:

- i. memproses permohonan bagi produk dan perkhidmatan, melaksanakan pembayaran, urusan niaga dan melengkapkan arahan atau permintaan;
- ii. menyediakan produk dan perkhidmatan (termasuk perkhidmatan perbankan elektronik);
- iii. menilai kesesuaian bagi produk dan perkhidmatan;
- iv. penilaian kredit, termasuk menjalankan semakan kredit dan menetapkan had kredit;
- v. tujuan operasi;
- vi. analisis statistik, termasuk analisis tingkah laku dan penetapan profil;
- vii. pewujudan, penerusan dan pengurusan hubungan perbankan dan akaun;
- viii. menjalankan penyelidikan pasaran dan kaji selidik dengan tujuan untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan kami;
- ix. untuk tujuan pemasaran, acara promosi, pertandingan dan cabutan bertuah;
- x. untuk pencegahan, pengesanan, penyiasatan dan pendakwaan jenayah dalam mana-mana bidang kuasa (termasuk, tanpa batasan, pengubahan wang haram, keganasan, penipuan dan jenayah kewangan lain);
- xi. pengesahan identiti, pemeriksaan sekatan kerajaan dan semakan usaha wajar;
- xii. untuk mematuhi: undang-undang tempatan atau asing, peraturan, kod sukarela, arahan, penghakiman atau perintah mahkamah, perjanjian antara mana-mana ahli Kumpulan Standard Chartered dan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, atau agensi penguat kuasa; dasar (termasuk dasar-dasar Kumpulan Standard Chartered), amalan baik, sekatan kerajaan atau embargo, keperluan pelaporan di bawah perundangan urusan niaga kewangan, dan tuntutan atau permintaan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, tribunal, agensi penguat kuasa, atau badan pertukaran;
- xiii. untuk mendapatkan nasihat profesional, termasuk yang berkaitan dengan apa-apa prosiding undang-undang (termasuk apa-apa prosiding undang-undang yang dijangkakan), untuk mendapatkan nasihat undang-undang atau untuk mewujudkan, melaksanakan atau mempertahankan hak undang-undang;
- xiv. pengawasan premis dan ATM.

Kepada siapa kami mungkin mendedahkan Data Peribadi

Mana-mana ahli SCB, termasuk pegawai, kakitangan, ejen dan penasihat kami, mungkin mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak berikut untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas:

- i. mana-mana ahli Kumpulan Standard Chartered di mana-mana tempat di dunia, termasuk mana-mana pegawai, kakitangan, ejen atau pengarah;
- ii. penasihat profesional (termasuk juruaudit), pembekal perkhidmatan pihak ketiga, ejen atau kontraktor bebas yang menyediakan perkhidmatan untuk menyokong perniagaan SCB;
- iii. mana-mana orang di mana pendedahan dibenarkan atau dikehendaki menurut undang-undang tempatan atau asing, peraturan atau mana-mana instrumen terpakai lain;
- iv. mana-mana mahkamah, tribunal, pengawal selia, agensi penguat kuasa, badan pertukaran, pihak berkuasa cukai, atau mana-mana pihak berkuasa lain (termasuk mana-mana pihak berkuasa yang menyiasat kesalahan) atau ejen-ejen mereka;
- v. mana-mana agensi pungutan hutang, biro kredit atau agensi rujukan kredit, wakil agensi penarafan, syarikat insurans atau broker insurans, pembekal langsung atau tidak langsung perlindungan kredit dan agensi-agensi pencegahan penipuan;
- vi. mana-mana institusi kewangan untuk menjalankan semakan kredit, pemeriksaan berkaitan pengubahan wang haram, untuk tujuan pencegahan penipuan dan pengesanan jenayah;
- vii. sesiapa sahaja yang kami fikirkan perlu untuk memudahkan permintaan bagi perkhidmatan atau permohonan bagi produk dengan mana-mana ahli Kumpulan Standard Chartered;
- viii. sesiapa sahaja yang kami fikirkan perlu untuk menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan produk;

yang terletak dalam mana-mana bidang kuasa.

Keselamatan

Keselamatan data peribadi anda adalah penting bagi kami. SCB dan semua ahli Kumpulan mematuhi langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi untuk melindungi data peribadi anda. Apabila menggunakan pembekal perkhidmatan luaran, kami meminta agar mereka mematuhi standard keselamatan yang sama seperti SCB. Data peribadi boleh dipindahkan kepada, atau disimpan di, lokasi di luar negara tempat tinggal anda. Tidak kira ke mana data peribadi dipindahkan, kami mengambil segala langkah yang semunasabahnya perlu untuk memastikan bahawa data peribadi disimpan dengan selamat.

Anda harus sedar bahawa Internet bukan merupakan bentuk komunikasi yang selamat dan menghantar dan menerima maklumat melalui Internet membawa bersamanya risiko-risiko termasuk risiko akses dan gangguan oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan. Maklumat yang disalurkan melalui Internet mungkin akan dipindahkan di peringkat antarabangsa (walaupun penghantar dan penerima berada di negara yang sama) melalui negara-negara dengan undang-undang privasi dan perlindungan data yang lebih lemah berbanding di negara tempat tinggal anda. Kami tidak menerima tanggungjawab atau liabiliti bagi kerahsiaan,

keselamatan atau integriti Data Peribadi anda berhubung dengan penghantarannya melalui Internet.

Terma dan Syarat Lain

Perjanjian perbankan dan produk kami mungkin mengandungi terma dan syarat khusus yang mengawal pengumpulan, penggunaan dan pendedahan Data Peribadi anda. Terma dan syarat lain tersebut perlu dibaca selaras dengan Kenyataan Privasi ini.

Penyimpanan

Kami menyimpan Data Peribadi anda untuk tujuan undang-undang, peraturan, perniagaan dan operasi.

Pemasaran

Kami tidak akan menghantar bahan pemasaran kepada anda jika anda telah secara khusus meminta kami untuk tidak berbuat demikian.

Pemantauan

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami mungkin merakam dan memantau komunikasi elektronik anda dengan kami untuk memastikan pematuhan dengan obligasi undang-undang dan peraturan serta dasar dalaman kami untuk tujuan yang dinyatakan di atas.

Hak Akses

Tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan/atau garis panduan industri perbankan yang terpakai, anda mungkin mempunyai hak untuk meminta salinan Data Peribadi yang diproses berhubung dengan anda. SCB mungkin dibenarkan menurut undang-undang untuk mengenakan bayaran bagi salinan data peribadi.

Perubahan kepada Dasar Privasi ini

Dasar Privasi ini mungkin dikemas kini dari semasa ke semasa dan akan disemak secara berkala.

Memohon untuk bekerja di Kumpulan Standard Chartered

Sila lihat [Kenyataan Privasi Perekrutan Global Kumpulan \(Group Global Recruitment Privacy Statement\)](#) kami yang berasingan.

Kuki

Sila lihat [Dasar Kuki \(Cookie Policy\)](#) kami yang berasingan.

Laman Web Pautan

Dasar Privasi kami tidak terpakai kepada laman web pihak ketiga di mana iklan dalam talian kami dipaparkan atau laman web pihak ketiga yang dipautkan yang tidak kami kendalikan atau kawal.